

27 JUN 1999
Ghani-Wanita

WANITA UMNO AKAN TANGKIS TOHMAHAN PEMBANGKANG DI JOHOR

JOHOR BAHRU, 27 Jun (Bernama) -- Seramai 150,000 anggota Pergerakan Wanita Umno Negeri akan digerakkan ke peringkat akar umbi di seluruh negeri ini bagi menangkis tohmahan yang dilemparkan parti pembangkang terhadap Umno dan Barisan Nasional (BN).

Pengerusi Perhubungan Umno Negeri, Datuk Abdul Ghani Othman berkata langkah itu akan dilaksanakan sempena penubuhan Unit Gerak Mesra Pergerakan Wanita Umno Negeri Johor hari ini.

"Unit Gerak Mesra ini akan menyangkal tohmahan pembangkang dan menyampaikan fakta yang sebenarnya kepada penduduk di bandar dan luar bandar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Unit Gerak Mesra Pergerakan Wanita Umno Johor di Dewan Umno Bahagian Pulai, di sini.

Turut hadir ialah Ketua Pergerakan Wanita Umno yang juga Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Abdul Ghani yang juga Menteri Besar Johor berkata, Umno dan BN sentiasa memenuhi janji-janji mereka bagi membela nasib rakyat, walaupun negara menghadapi kegawatan ekonomi.

Beliau berkata jentera BN dan Umno Johor tetap teguh dan dapat digerakkan tanpa diganggu-gugat oleh isu-isu semasa yang dimainkan oleh pembangkang.

Sementara itu, Siti Zaharah berkata Pergerakan Wanita di seluruh negara kini menumpukan perhatian kepada persiapan menghadapi pilihan raya umum yang akan datang.

"Wanita akan memfokuskan perhatian kepada persiapan menghadapi segala kemungkinan yang akan berlaku dan meningkatkan perpaduan di kalangan anggota," katanya.

Katanya, adalah penting untuk terus mengukuhkan perpaduan di dalam parti, bagi membolehkan Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tercapai.

Dr Siti Zaharah berkata, isu yang dimainkan oleh pembangkang di Kelantan (melarang wanita bekerja) adalah isu lama dan isu itu katanya, tidak akan menjejaskan perpaduan dalam parti.

-- BERNAMA
RAM RI